

28 JUN 2004

Umno-Kedah

HASRAT AZMAN CABAR SYED RAZAK TIDAK KESAMPAIAN

ALOR STAR, 28 Jun (Bernama) -- Hasrat Timbalan Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah Azman Abdul Manaf untuk mencabar Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bagi jawatan ketua Umno bahagian itu pada pemilihan bahagian bulan depan tidak kesampaian apabila hanya mampu memperolehi satu pencalonan setakat ini.

Azman, seorang ahli perniagaan, memperolehi pencalonan dari Umno cawangan Padang Jambu Dalam manakala Syed Razak mendapat 144 pencalonan daripada 145 cawangan yang telah bermesyuarat.

Setiausaha Kerja Umno bahagian itu Mohamad Zailani Endut hari ini berkata Syed Razak pasti menang tanpa bertanding bagi mengekalkan jawatan Ketua Umno bahagian itu kerana hanya tinggal sembilan cawangan lagi yang belum bermesyuarat.

Beliau berkata syarat untuk melayakkan Azman bertanding jawatan ketua Umno bahagian ialah mesti mendapat pencalonan sekurang-kurangnya daripada 30 cawangan.

Katanya, Azman hampir pasti gagal mengekalkan jawatan yang disandangnya ketika ini kerana hanya memperolehi dua pencalonan sedangkan had kelayakan ialah mendapat 20 pencalonan daripada cawangan.

Setakat ini, Ketua Pemuda Umno bahagian itu Hashim Jahaya yang merupakan anggota Parlimen Kuala Kedah mendahului senarai dalam perebutan jawatan timbalan ketua dengan mendapat 58 pencalonan.

Sementara itu, tujuh daripada 15 bahagian Umno di negeri ini akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu bagi merebut jawatan ketua bahagian.

Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Md Rozai Shafian dijangka menghadapi pertandingan daripada bekas penolong pegawai daerah Pendang Azmi Din bagi jawatan Ketua Umno Bahagian Pendang.

Md Rozai yang merupakan Ketua Penerangan Umno bahagian itu mendapat 86 pencalonan manakala Azmi memperolehi 65 pencalonan. Setakat ini, 163 daripada 177 cawangan telah mengadakan mesyuarat masing-masing.

Jawatan Ketua Umno Bahagian Pendang menjadi rebutan apabila

penyandangannya Datuk Othman Abdul mengumumkan menarik diri untuk memberi tumpuan kepada perniagaan.

Di Pokok Sena, Ketua Umno bahagian itu Datuk Ahmad Lebai Sudin akan dicabar Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Datuk Abdul Rahman Ibrahim.

Ahmad setakat ini memperolehi 109 pencalonan daripada 149 cawangan Umno yang telah mengadakan mesyuarat masing-masing manakala Abdul Rahman yang merupakan anggota Parlimen Pokok Sena mendapat 40 pencalonan.

Datuk Ghazali Ibrahim yang memperolehi 85 pencalonan akan dicabar bekas Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar yang mendapat 26 pencalonan untuk jawatan Ketua Umno Bahagian Padang Terap.

Di Kubang Pasu yang begitu sinonim dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjadi anggota Parlimen kawasan itu sejak 1974, perebutan jawatan Ketua Umno bahagian itu menyaksikan pertandingan juga satu lawan satu.

Ketua Umno bahagian itu Tan Sri Osman Aroff akan dicabar anggota Parlimen Kubang Pasu yang merupakan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Johari Baharom selepas kedua-duanya melepasi had kelayakan pencalonan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah akan ditentang anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Alor Mengkudu Fadzil Hanafi bagi jawatan Ketua Umno Bahagian Alor Star.

Ahmad Bashah yang merupakan penyandang jawatan berkenaan dan Fadzil, anggota jawatankuasa Umno bahagian itu, melepasi had kelayakan pencalonan.

Di Sungai Petani, perebutan jawatan Ketua Umno bahagian itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara penyandangannya Abu Bakar Ahmad yang mendapat 30 pencalonan dengan Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Mahadzir Mohd Khir yang memperolehi 50 pencalonan.

Ketua Umno Bahagian Baling Ismail Abu Bakar yang mendapat 124 pencalonan akan dicabar Ketua Penerangan Umno bahagian itu Salleh Yaacob yang memperolehi 55 pencalonan untuk menerajui Umno bahagian

berkenaan.

Selain Syed Razak yang mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah tanpa bertanding, tujuh lagi juga demikian iaitu Datuk Abdul Rahman Ariffin (Jerlun), Datuk Abu Bakar Taib (Langkawi) dan Datuk Badruddin Amiruldin (Jerai).

Empat lagi ialah Tan Sri Abdul Hamid Othman (Sik), Menteri Penerangan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Kulim/Bandar Baharu), Datuk Mohd Hadzir Ismail (Padang Serai) dan Datuk Arzmi Hamid (Merbok).

-- BERNAMA

MAN MNH AP RS